

Keberkesanan Penggunaan Senarai Semak Bagi Memantau Penggunaan Frasa Deskriptif Dalam Penulisan Karangan

Lienda Jamali

lienda_jamali@schools.gov.sg

Nasibah Idross Alkhatib

nasibah_idross_alkhatib@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Opera Estate

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk melihat keberkesanan alat penilaian formatif dalam bentuk penyusun grafik dan senarai semak sebagai alat penilaian sendiri atau senarai semak rakan sebaya bagi menggalakkan murid menggunakan frasa figuratif, peribahasa, unsur perbandingan semacam serta perkataan baharu yang dipelajari sewaktu menulis karangan. Kajian ini memberi tumpuan pada aspek frasa-frasa figuratif dalam penulisan karangan murid Darjah 5. Analisis kuantitatif telah digunakan untuk melihat keberkesanan kajian ini. Karangan murid telah dianalisis daripada segi kekerapan penggunaan frasa-frasa figuratif yang dikenal pasti serta usaha menggunakan perkataan baharu yang relevan dengan tajuk, yang diringkaskan dalam kertas kerja ini dengan akronim 4P. Akronim 4P ini merujuk kepada penyisipan frasa puitis, peribahasa, perbandingan semacam dan perkataan baharu. Dapatan kuantitatif, maklum balas dan analisis kekerapan penggunaan frasa-frasa 4P menunjukkan bahawa penyusun grafik dan senarai semak penilaian sendiri serta senarai semak rakan sebaya dapat menggalakkan dan memudahkan pemantauan penggunaan frasa-frasa dalam penulisan mereka.

Kata Kunci: senarai semak rakan sebaya, penyusun grafik, data kualitatif dan kuantitatif



PENGENALAN

Kertas kerja ini memberi perhatian terhadap gaya bahasa dalam karangan murid yang merupakan komponen penting dalam sesebuah penulisan. Arba'ie Sujud (2010) menekankan bahawa sesebuah karya akan tinggi nilai estetikanya sekiranya ada keindahan susunan dan pemilihan kata yang boleh merujuk kepada penggunaan frasa figuratif dan kosa kata yang sesuai dan menarik.

Kertas kajian ini juga meneliti keberkesanan penggunaan penyusunan grafik dan senarai semak penilaian sendiri atau senarai semak rakan sebaya dalam menangani masalah penulisan karangan yang kurang bermutu dari segi gaya bahasa. Bahan sokongan berbentuk kumpulan frasa figuratif dan karangan contoh yang menepati tajuk tugas yang diberikan telah disediakan agar dapat dijadikan bahan rujukan. Guru juga menggunakan kaedah pengurusan maklumat bertahap-tahap untuk memudahkan rujukan dalam membina kemahiran murid.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini telah dirancang dan dilaksanakan untuk mempertingkatkan proses pembelajaran berpusatkan murid dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) kemahiran penulisan karangan. Murid diharapkan dapat menggunakan frasa figuratif dan perkataan-perkataan yang telah dipelajari bersesuaian dengan konteks tajuk serta gambar karangan yang diberikan. Bahan-bahan rujukan dan karangan-karangan contoh yang mengandungi frasa-frasa figuratif serta perkataan-perkataan yang relevan telah diberikan kepada murid bagi membantu mereka menghasilkan karangan yang lebih baik.

Namun, guru sering mendapati murid tidak memanfaatkan bahan-bahan rujukan yang telah diberikan dan perbincangan yang telah dijalankan. Penggunaan kosa kata dalam penulisan karangan murid masih agak terhad dan kurang menarik. Guru juga menemui kepayahan untuk melakukan usaha intervensi awal sewaktu proses penulisan kerana takut mengganggu tumpuan murid ketika menulis. Guru hanya dapat memberi maklum balas kepada murid sewaktu menyemak dan menilai karangan dan selanjutnya murid akan menyisipkan frasa figuratif dalam karangan mereka sebagai proses pembetulan.



TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. menggalakkan murid menggunakan frasa figuratif dan perkataan baharu (4P) dalam penulisan mereka;
2. menilai keberkesanan penyusun grafik bagi membantu penggunaan frasa figuratif dan perkataan baharu (4P); dan
3. menilai keberkesanan senarai semak bagi memantau pelibatan murid dalam proses penulisan mereka.

KAJIAN LEPAS

Earl (2003) mencadangkan ‘penilaian sebagai pembelajaran’ (*assessment as learning*). Dengan menggunakan senarai semak bagi penilaian sendiri dan senarai semak rakan sebaya, guru dapat membantu murid kerana senarai semak tersebut mampu memperbaiki kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti pada peringkat awal. Penilaian sendiri menggalakkan pelibatan penuh murid dalam pembelajaran mereka, lantas dapat membina kebolehan mereka untuk memperbaiki prestasi mereka dalam penulisan karangan. Di samping itu, penilaian oleh rakan sebaya pula dapat mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan berpandukan senarai semak dan memudahkan perbincangan kerana kriteria-kriteria penilaian telah dijelaskan.

Hyerle (1996) mendapati bahagian otak yang menentukan pelaksanaan tugas dapat dirangsang dan dipertingkatkan dengan adanya panduan dan bimbingan terutama sekali apabila tugas itu melibatkan beberapa perkara yang perlu dilakukan dalam masa yang sama. Menurutnya, senarai semak dan penyusun grafik berpotensi untuk membantu murid melaksanakan tugas yang kompleks dan melibatkan beberapa langkah. Beliau juga mendapati penyusun grafik memudahkan pembelajaran kerana ia membantu murid mengenal pasti perkara yang harus difokuskan dalam melaksanakan tugas mereka. Bahan penilaian formatif ini juga dapat membantu murid memantau perkembangan pelaksanaan tugas seperti yang guru inginkan.

KAEDAH KAJIAN

Amalan Pengajaran Singapura (STP) yang diterapkan dalam pelaksanaan kajian ini memberikan penekanan pada pelaksanaan, penilaian dan pemberian maklum balas. Berikut merupakan penerangan proses pengajaran bagi Pelaksanaan Pelajaran dan Penilaian dan Maklum Balas bagi pengajaran penulisan karangan.



Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP17: Memberikan Penerangan Yang Jelas	AM2: Melakukan Tunjuk Cara Guru mengajarkan strategi penggunaan penyusun grafik untuk membantu penyisipan frasa-frasa 4P (frasa figuratif, peribahasa, perbandingan semacam dan perkataan baharu) dalam karangan
	AP21: Menutup Pelajaran	AM2: Senarai Semak Pembelajaran Saya Guru menggalakkan penggunaan senarai semak yang diberikan kepada murid untuk memastikan karangan mereka menepati ciri-ciri karangan yang baik dan mampu membuat pembaikan.
Penilaian dan Maklum Balas	AP22:Memantau Pemahaman dan Memberi Maklum Balas	AM 3: Saya Buat, Saya Tahu, Saya Semak Rakan yang menyemak karangan pasangan mereka akan memberi maklum balas di mana pasangan mereka itu harus membuat perubahan atau pengeditan sekiranya ada kekurangan.
Penerangan dan Justifikasi	Aspek pengajaran ini digunakan bagi menggalakkan penggunaan penyusun grafik dan senarai semak bagi memperbaiki mutu penulisan karangan naratif dalam kalangan murid. Bahan sokongan seperti frasa figuratif dan karangan contoh dapat dijadikan wadah rujukan agar murid dapat dipandu untuk menerapkan penggunaan unsur bahasa yang lebih menarik dan baik. Guru dan rakan juga dapat memberikan maklum balas yang lebih berkesan bagi membantu murid menambah nilai hasil karangan mereka.	

Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan 29 orang murid Darjah 5 yang memiliki tahap keupayaan yang pelbagai. Mereka mempunyai penguasaan bahasa yang sederhana. Kumpulan ini didapati menghadapi kesukaran menghasilkan karangan yang baik kerana penguasaan kosa kata yang terhad walaupun telah didedahkan kepada frasa-frasa figuratif dan perkataan-perkataan baharu.

Instrumen Kajian

Kajian ini melibatkan analisis kuantitatif pada hasil latihan karangan murid dan juga maklum balas yang diberikan kepada mereka.

Bahan-bahan rujukan yang digunakan dalam kajian ini merupakan kumpulan senarai frasa figuratif termasuk perbandingan semacam dan peribahasa, serta karangan contoh. Murid juga diajar menggunakan alat-alat penilaian formatif iaitu senarai semak sendiri dan senarai semak oleh rakan sebaya serta penyusun grafik bagi kegunaan penulisan karangan mereka.

Prosedur Kajian

Guru menjalankan aktiviti penulisan karangan di kelas secara terperinci dan berstruktur.

Langkah 1

Guru memulakan perbincangan tajuk/gambar bersiri bagi latihan karangan. Setelah itu, murid membaca contoh karangan yang mengandungi gaya ayat berfrasa figuratif yang terkandung dalam kumpulan senarai frasa figuratif yang telah diagihkan kepada setiap murid. Rujuk Rajah 1.

Langkah 2

Murid diminta mengisi penyusun grafik dengan peribahasa, frasa figuratif, perbandingan semacam dan perkataan-perkataan yang mereka dapati daripada karangan contoh sama ada yang dipilih oleh guru dan diri sendiri sebelum menulis. Sila rujuk Rajah 1.

Rajah 1: Penyusun Grafik

Perkataan	Kosa Kata
Peribahasa	Frasa Puitis/Perbandingan Semacam



Langkah 3

Murid mula menulis karangan dan guru mengingatkan murid untuk sentiasa merujuk dan menggunakan perkataan-perkataan yang telah mereka catatkan dalam penyusun grafik. Mereka dibenarkan menambah dan menukar perkataan-perkataan yang terkandung dalam penyusun grafik mereka sepanjang proses penulisan mereka. Mereka juga diingatkan agar merujuk senarai semak mereka untuk memastikan penulisan karangan mereka menepati ciri-ciri karangan yang baik. Lihat Rajah 3.

Langkah 4

Setelah selesai menulis, murid dikehendaki membaca karangan mereka sambil merujuk pada penyusun grafik bagi memastikan kesemua atau kebanyakan perkataan yang telah terkandung dalam penyusun grafik telah disisipkan dalam karangan mereka. Setelah itu, mereka juga dikehendaki melihat senarai semak dan sekali lagi memastikan karangan mereka menepati ciri-ciri karangan yang baik dan membuat pembaikan.

Langkah 5

Selanjutnya, karangan itu akan dibaca oleh teman mereka dan mereka juga akan memastikan sama ada apa yang dirancang dalam penyusun grafik telah disisipkan, selain daripada menyemak ejaan, pemerenggan, dialog dan sebagainya. Kemudian, murid empunya karangan akan melakukan pengeditan sebelum menghantar karangan mereka kepada guru.

Pada tahap ini, guru akan menerima hasil karangan murid, penyusun grafik dan senarai semak sendiri/teman sebaya yang telah ditandakan oleh murid. Guru akan menerima karangan murid selepas pengeditan dan menilai karangan tersebut. Karangan yang tidak atau kurang menggunakan frasa figuratif akan menerima maklum balas guru dan murid itu akan dibimbing dan membuat pembaikan yang perlu pada karangan mereka.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan menganalisis dapatan kajian secara kuantitatif berdasarkan kelakonan 29 orang murid. Analisis ini berasaskan data sebelum dan sesudah usaha intervensi guru.

Semua murid setuju bahawa bahan rujukan yang guru berikan membantu mereka menggunakan dan memilih perkataan dan frasa figuratif



yang baik bagi karangan mereka. Bahan rujukan ini telah diagihkan kepada murid Darjah 5 dan 6 setiap tahun. Pada tahun ini, guru telah menambah jumlah peribahasa dan perkataan perbandingan semacam. Berikut merupakan jadual respons murid.

Jadual 2: Maklum Balas Murid Berkaitan Bahan Rujukan

Item	Setuju
1. Kumpulan frasa figuratif / perbandingan semacam dan peribahasa memudahkan rujukan murid membuat pemilihan.	100%
2. Karangan contoh membantu rujukan murid untuk membuat pemilihan perkataan yang relevan.	100%

N=29

Sebelum mengenalkan penyusun grafik, terdapat beberapa orang murid sahaja yang akan berusaha menyisipkan frasa-frasa 4P dan tidak menyeluruh seperti yang diharapkan oleh guru. Guru mendapati hanya kumpulan murid berkeupayaan tinggi yang melakukan sedemikian.

Jadual 3: Maklum Balas Murid Sebelum Intervensi

Tanpa Penyusun Grafik...	Ya	Tidak
Saya sentiasa menyisipkan frasa-frasa figuratif.	(6/29) 21%	(23/29) 79%
Saya menyisipkan perkataan-perkataan baharu yang dibaca dalam karangan contoh.	(9/29) 31%	(20/ 29) 69%
Kadang-kadang sahaja menyisipkan frasa-frasa figuratif.	(15/29) 52%	(14/29) 48%

Setelah penyusun grafik diperkenalkan, 97% murid berpendapat penyusun grafik itu telah membantu mereka menyisipkan unsur 4P dalam karangan.



Jadual 4: Maklum Balas Murid Berkaitan Keberkesanan Penyusun Grafik

Item	Setuju	Tidak setuju
Penyusun grafik memastikan saya sentiasa menyisipkan frasa-frasa figuratif dan perkataan-perkataan yang relevan dalam karangan saya.	97%	3%
Penyusun grafik kerap membantu saya membuat rujukan dan semakan sebelum menghantar karangan kepada guru.	97%	3%
Penyusun grafik memberi peringatan kepada saya untuk menyisipkan frasa-frasa yang dirancangkan sepanjang proses penulisan saya.	97%	3%

N=29

Guru juga mendapati bahawa segelintir sahaja murid akan membaca sekali lagi hasil penulisan karangan mereka dan melakukan pengeditan sebelum menghantar kepada guru. Jika ada yang membaca, bacaan dan semakan yang dilakukan sering tidak berpandu dan terarah kerana tidak mempunyai objektif atau tujuan yang jelas ketika menyemak karangan. Tinjauan guru juga mendapati 62% murid menyatakan mereka membaca karangan mereka sekali lagi dan 17% melakukan pengeditan atau perubahan.

Suasana pembelajaran juga tidak menggalakkan pelibatan murid dan mengaktifkan perkongsian pengetahuan sedia ada murid kerana aktiviti penulisan sering tidak kolaboratif dan tidak ada pertukaran idea dan maklum balas untuk membaiki penulisan mereka. Hanya 31% murid menyatakan mereka membaca karangan teman mereka dan daripada peratusan itu hanya seorang sahaja memberi saranan dan semasa menyemak karangan teman mereka.

Bagi senarai semak sendiri, 97% murid menyatakan senarai semak yang disediakan dan dirujuk memberi kesedaran dan panduan bagi mereka menyemak karangan dan penyisipan frasa-frasa 4P, memperbaiki struktur pemerenggan, memasukkan dialog, dan meneliti ejaan sepanjang proses penulisan karangan.

Senarai semak bagi meneliti karangan teman sebaya pula berguna bagi murid membantu rakan menyemak karangan mereka dan memberi saranan sekiranya ada ada pembetulan yang perlu dilakukan. Guru mendapati perkongsian ini memperkaya suasana pembelajaran kerana murid berpeluang belajar daripada rakan sebaya. 97% murid berpendapat pengalaman menyemak karangan teman juga membina keupayaan diri dan 79% murid




menyatakan timbul rasa kesedaran untuk lebih berhati-hati ketika melakukan penulisan karangan.


Guru berusaha memastikan langkah-langkah yang telah dirancang dilakukan sebaik mungkin oleh semua murid. Guru juga telah mengumpulkan data kuantitatif kekerapan penyisipan frasa-frasa 4P dalam penulisan latihan karangan murid. Data yang dikumpulkan menganalisis empat latihan penulisan murid yang terdiri dalam latihan 1 (Prakajian) dan latihan 2, 4 dan 7 (Pascakajian) untuk melihat kesan penggunaan senarai semak dan penyusun grafik dalam proses penulisan mereka.

Merujuk pada Rajah 4, 34% murid akan menyisipkan peribahasa dalam karangan mereka sebelum usaha intervensi dijalankan dan 3% murid akan menyisipkan lebih daripada satu peribahasa. Namun setelah intervensi, terdapat peningkatan semasa latihan 2 hingga 7 dijalankan. Sehingga 100% murid berjaya menyisipkan peribahasa sewaktu latihan 7 dan 31% murid telah menyisipkan lebih daripada satu peribahasa dalam karangan mereka.

Rajah 2: Kekerapan Penyisipan Peribahasa dalam Karangan



Penyisipan Peribahasa sekurang-kurangnya 1




Penyisipan Peribahasa melebihi 1


Rajah 5 pula menjelaskan bahawa 34% murid telah menyisipkan frasa perbandingan semacam sebelum intervensi. Setelah intervensi, 100% murid telah menyisipkan frasa perbandingan semacam dan terdapat peningkatan daripada 14% hingga 66% murid menyisipkan lebih daripada satu frasa perbandingan semacam dari latihan 2 hingga ke latihan 7.



Rajah 3: Keperapan Penyisipan Frasa Perbandingan Semacam




Penyisipan Perbandingan Sekurang-kurangnya 1




Penyisipan Perbandingan Semacam Melebihi 1

Rajah 4 pula memperlihatkan bahawa sebelum intervensi 14% murid telah menyisipkan frasa figuratif dalam karangan mereka. Setelah intervensi, guru mendapati berlaku peningkatan daripada 80% hingga 100% yang mengaplikasikan frasa figuratif dalam karangan mereka. Lantas, terdapat peningkatan daripada 28% hingga 66% murid telah menyisipkan lebih daripada satu frasa figuratif.

Rajah 4: Keperapan Penyisipan Frasa Puitis




Penyisipan Frasa Puitis Sekurang-kurangnya 1




Penyisipan Frasa Puitis Melebihi 1

Rajah 5 pula menunjukkan bahawa penyusun grafik dan semakan teman sebaya juga memainkan peranan untuk meningkatkan jumlah murid untuk memanfaatkan kata baharu yang terkandung dalam karangan contoh dan perkataan-perkataan panduan. 90-93% murid telah menunjukkan usaha untuk mencuba perkataan baharu dalam karangan mereka.

Rajah 5: Kekerapan Penyisipan Perkataan Baharu dalam Karangan



Penyisipan Perkataan Baharu sekurang-kurangnya 1



Penyisipan Perkataan Baharu Melebihi 1

KESIMPULAN

Penggunaan penyusun grafik dan senarai semak dalam proses penulisan karangan mempunyai potensi yang baik untuk membina keupayaan penulisan murid. Kedua-dua alat penilaian formatif ini telah memungkinkan berlakunya ‘penilaian sebagai pembelajaran’ yang dimaksudkan oleh Earl (2003). Kedua-duanya telah melibatkan proses penilaian sendiri oleh murid dan jika dibuat secara berterusan murid akhirnya dapat mengamalkan pembelajaran sendiri. Hal ini terbukti daripada maklum balas murid dan juga data kekerapan penggunaan unsur 4P yang telah dijalankan. Murid juga telah menunjukkan keyakinan diri menggunakan bahan rujukan dengan lebih yakin dan efektif kerana penyusun grafik telah membantu membina struktur dan fokus ketika mereka mencari, memilih dan menilai frasa-frasa yang terkandung di dalam bahan-bahan rujukan. Selain itu, semakan sendiri dan teman sebaya juga memberi murid peluang berkongsi bagi meningkatkan hasil penulisan melalui maklum balas dan cadangan penambahbaikan yang diberikan oleh rakan sekelas. Hal yang sedemikian pasti memberi kesan yang positif terhadap pembelajaran murid kerana interaksi sosial yang bermakna dapat menyegarkan suasana pembelajaran bagi menjadikannya menyenangkan.



RUJUKAN

- Ang, Jit Eng dan Balasandran, Ramiah. (2009). *Kepimpinan Instruksional - Satu Panduan Praktikal*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Arba'ie Sujud. (2010). *Apresiasi bahasa – interpretasi & ekspresi*. Kuala Lumpur: Sarja Press Sdn. Bhd.
- Earl, L, (2003). *Assessment As Learning: Using classroom assessments to Maximise students learning*. Thousand Oaks, CA: Cormin Press.
- Hyerle, David (1996). *Visual Tools for Constructing Knowledge*. Alexandria, Virginia: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.

